



PUBLIC BANK

LAPORAN TAHUNAN 2020

Pernyataan oleh **Tan Sri Dato' Sri Dr. Teh Hong Piow** Pengasas, Pengerusi Emeritus, Pengarah dan Penasihat



Setelah melalui pelbagai krisis dan kesulitan, Kumpulan Public Bank semakin matang, berkembang dan makmur selepas 54 tahun beroperasi. Pada tahun 2020, Kumpulan Public Bank terus memperoleh keuntungan walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dalam persekitaran operasi. ”



2020 merupakan salah satu tahun yang paling mencabar dalam sejarah masa kini. Wabak COVID-19 mengakibatkan pergolakan pada peringkat global dan kejutan yang tidak munasabah kepada ekonomi global, yang menyebabkan penguncupan ekonomi yang teruk di seluruh dunia.

Di Malaysia, sejak bermulanya wabak itu pada awal bulan Mac 2020, Kerajaan mengenakan langkah-langkah sekatan termasuk Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan wabak COVID-19 itu. Langkah-langkah ini amat penting untuk melindungi kesihatan dan keselamatan orang ramai. Bagaimanapun, pengurangan kegiatan ekonomi telah menjejaskan ekonomi dengan amat ketara yang menyebabkan Keluaran Dalam Negara Kasar menyusut sebanyak 5.6% pada tahun 2020.

Dalam keadaan operasi yang sukar seperti ini, sektor perbankan terjejas dengan teruk dari segenap segi. Pertumbuhan perniagaan menjadi lemah disebabkan oleh pelaksanaan langkah-langkah untuk menyekat COVID-19 serta sentimen pengguna dan perniagaan yang murung. Keuntungan juga terkesan oleh pemampatan margin dan peruntukan lebih tinggi yang diketepikan di tengah-tengah ketidakpastian ekonomi dan pelbagai langkah bantuan COVID-19 yang ditawarkan oleh bank-bank.

Untuk meredakan dan mengurangi tekanan buruk terhadap ekonomi dan mata pencarian rakyat, Kerajaan dan Bank Negara Malaysia segera mengambil langkah-langkah pencegahan dan melakukan pelbagai usaha untuk mencapai keseimbangan antara membendung wabak itu dengan mengukuhkan ekonomi. Usaha ini telah membolehkan negara pulih secara berperingkat-peringkat menjelang akhir tahun 2020.

KETAHANAN PADA WAKTU KRISIS

Setelah melalui pelbagai krisis dan kesulitan, Kumpulan Public Bank semakin matang, berkembang dan makmur selepas 54 tahun beroperasi. Pada tahun 2020, Kumpulan Public Bank terus memperoleh keuntungan walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dalam persekitaran operasi. Kumpulan memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM6.29 bilion dan keuntungan bersih milik pemegang saham sebanyak RM4.87 bilion. Dengan itu, Kumpulan terus mengekalkan pulangan bersih dua digit sebanyak 11.2%.

Berikutan prestasi keuntungan Kumpulan Public Bank yang berterusan itu, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen berjumlah 13 sen untuk tahun kewangan 2020, sebagai penghargaan atas sokongan berterusan para pemegang sahamnya. Ini bersamaan dengan pembayaran dividen sebanyak RM2.52 bilion, yang merupakan 51.8% daripada keuntungan bersih Kumpulan bagi tahun 2020.

MENANGANI KESAN COVID-19 BAGI PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN

Kumpulan Public Bank menyedari pentingnya untuk pertimbangan pihak yang berkepentingan dalam pengurusan krisisnya.

Kumpulan Public Bank berusaha untuk memberi sokongan kepada pelanggannya melalui waktu sukar ini. Kumpulan secara proaktif menawarkan moratorium pinjaman dan pelbagai program bantuan pembayaran balik pinjaman yang fleksibel kepada pelanggan yang menghadapi kesulitan kewangan. Kumpulan secara aktif mengambil bahagian dalam skim pembiayaan khas yang dimulakan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia. Secara kolektif, kira-kira 1.8 juta orang pelanggan mendapat manfaat daripada langkah-langkah bantuan kewangan dan bantuan COVID-19 Kumpulan.

Kesihatan dan keselamatan pekerja merupakan satu lagi perkara utama. Kumpulan Public Bank sentiasa mengikuti perkembangan terkini wabak tersebut agar tindakan segera dan cepat dapat diambil untuk melindungi kesejahteraan kakitangannya. Kumpulan juga memberi tumpuan yang serius dalam memastikan langkah-langkah keselamatan operasi dilaksanakan dengan ketat di seluruh cawangan untuk mencegah penyebaran wabak COVID-19.

Untuk masyarakat, Kumpulan Public Bank menyalurkan RM1 juta kepada Dana Wabak COVID-19 MERCY Malaysia untuk membantu barisan hadapan pasukan perubatan dalam memerangi wabak COVID-19 itu. Memandangkan banyak rumah kebajikan yang mungkin menghadapi kekangan dalam pembiayaan selama berlakunya wabak ini, Kumpulan terus memberi sumbangan kewangan kepada institusi untuk golongan kurang berkemampuan pada waktu sukar ini.

PERTUMBUHAN YANG LESTARI

Pada waktu yang tidak menentu bilakah masanya dan bagaimana wabak itu akan terhapus sukar untuk diramalkan, model pengurusan konvensional mungkin tidak mencukupi bagi melindungi asas perniagaan. Untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi masa hadapan yang tidak menentu, Kumpulan Public Bank akan terus meningkatkan keupayaannya untuk memastikan amalan urus tadbir korporat dan pengurusan risikonya bergerak serentak dengan persekitaran yang berubah, dan model perniagaannya terus bergerak pantas walaupun ketika Kumpulan melangkah ke hadapan.

Kumpulan Public Bank akan terus mengembangkan bakat dan kemampuan digital yang ada dalam menghadapi persekitaran yang amat kompetitif dan cepat berubah. Walaupun terdapat rintangan berikutan wabak COVID-19 itu, Kumpulan telah melaksanakan beberapa inisiatif pembelajaran mudah alih yang inovatif bagi kakitangannya untuk terus mempertingkatkan kemahiran mereka. Kumpulan juga terus meneroka dan melaksanakan penyelesaian digital yang inovatif, terutamanya dalam meningkatkan keupayaan e-pembayarannya, bagi meningkatkan daya tahan operasi dan pengalaman pelanggan.

PROSPEK KUMPULAN

Pada tahun 2021, pemulihan ekonomi Malaysia dijangka beransur baik, disokong oleh kelonggaran sekatan dan peningkatan dalam perdagangan global, berserta sokongan dasar dan rangsangan yang berterusan. Program inokulasi COVID-19 juga akan memberi lebih *impetus* kepada ekonomi.

Berdasarkan tinjauan yang lebih baik, Kumpulan Public Bank berada pada kedudukan yang amat baik untuk merebut peluang pertumbuhan. Kumpulan amat berhati-hati dalam menguruskan kunci kira-kira dan kualiti asetnya sepanjang tempoh yang belum pernah berlaku ini, dan ini memberi lebih banyak kelonggaran kepada Kumpulan untuk mengembangkan perniagaannya dengan penampakan yang mencukupi terhadap potensi risiko dan cabaran pada masa hadapan.

PENGHARGAAN DARIPADA KAMI

Dengan sokongan dan kepercayaan semua pihak yang berkepentingan, Kumpulan Public Bank telah dapat bertahan dan mengharungi tahun yang amat mencabar ini.

Kumpulan Public Bank dan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pemegang saham, pelanggan, pengurusan dan kakitangan Kumpulan atas sokongan mereka yang berterusan. Ucapan terima kasih yang ikhlas juga ditujukan kepada Bank Negara Malaysia dan pihak berkuasa yang berkaitan atas bimbingan yang diberikan kepada industri perbankan semasa krisis yang berlaku sekarang. Dengan sokongan dan bimbingan itu, Kumpulan akan terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan dan meningkatkan lagi nilai pihak-pihak yang berkepentingan pada tahun mendatang.

Tan Sri Dato' Sri Dr. Teh Hong Piow

Pengasas, Pengerusi Emeritus, Pengarah dan Penasihat

5 April 2021